

Akal Budi Melayu dalam Karya M. Nasir

The Malay 'Akal Budi' in The Works of M. Nasir

Hairul Anuar Harun^{1*} & Mohd Azam Sulong²

¹Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

¹hahcindai@gmail.com ; ²azamdungun@fmsp.upsi.edu.my

Published: 31 December 2023

To cite this article (APA): Harun, H. A., & Sulong, M. A. (2023). Akal Budi Melayu dalam Karya M. Nasir. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 10–26. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.2.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.2.2023>

ABSTRAK

Akal budi dalam konteks Melayu merupakan konsep yang dikenal pasti melalui pandangan kearifan cara bangsa Melayu berfikir dan berpekeriti. Akal budi Melayu dapat dilihat dengan mengkaji karya kesusasteraan dan hasil seni bangsa yang mempunyai nilai kebijaksanaan. Pembangunan aspek akal budi juga merupakan unsur kemanusiaan yang penting bagi setiap insan mahupun bangsa, agama dan negaranya. Penulisan lirik lagu juga merupakan salah satu cabang kesusasteraan yang jarang diperkatakan kerana ia bersifat popular namun sebahagiannya masih mengandungi nilai estetika malah mempunyai bahasa sastera yang tinggi serta mampu mencabar pemikiran khalayak. Untuk membuktikan bahawa lirik lagu juga mampu mendewasakan pemikiran, ilmu ketamadunan, serta mempunyai nilai akal budi Melayu yang tinggi, kajian ini akan memberi tumpuan kepada karya-karya seorang seniman yang terkenal dan tidak asing lagi di Malaysia iaitu M. Nasir. Sebanyak lapan buah lirik lagu hasil ciptaan sepenuhnya M. Nasir di dalam album *Canggung Mendonan* dan *Phoenix Bangkit*, dianalisis dan diuraikan dengan memberi fokus terhadap unsur falsafah bangsa dan alam, serta mengaitkannya dengan kata hikmah dan kisah inspirasi, melalui perspektif akal budi Melayu yang menjadi teras kepada penyelidikan ini. Dapatan telah menemukan bahawa seniman M. Nasir berjaya mencorakkan pemikirannya dengan menggabungkan unsur falsafah yang dipengaruhi faktor keilmuan seniman dalam menghasilkan karya-karya bermutu dengan cara yang penuh estetika, berhikmah, berinspirasi, bermakna dan bermanfaat.

Kata kunci: Akal budi Melayu; lirik lagu; Canggung Mendonan; Phoenix Bangkit; M. Nasir

ABSTRACT

The concept of "akal budi" in the Malay context is identified through the wisdom inherent in the ways of thinking and behaving of the Malay people. Malay wisdom can be observed through the study of literary works and artistic creations of the nation that embody values of wisdom. The development of the "akal budi" aspect is also an essential human element for every individual, as well as for the nation, religion, and country. The writing of song lyrics, although a popular branch of literature, is rarely discussed; however, some of it still contains aesthetic values and high literary language capable of challenging the audience's thoughts. To demonstrate that song lyrics can mature thought, enhance knowledge of civilization, and possess high values of Malay wisdom, this study focuses on the works of a renowned and well-known artist in Malaysia, M. Nasir. Eight song lyrics fully composed by M. Nasir from the albums *Canggung Mendonan* and *Phoenix Bangkit* are analyzed and elaborated upon, focusing on the elements of national and natural philosophy, and relating them to wise sayings and inspirational stories through the perspective of Malay wisdom, which forms the core of this research. The findings reveal that M. Nasir successfully shapes his thoughts by incorporating philosophical elements influenced by his scholarly background, producing high-quality works in a manner that is aesthetically pleasing, wise, inspirational, meaningful, and beneficial.

Keywords: Malay; Akal Budi; song lyrics; Canggung Mendonan; Phoenix Bangkit; M. Nasir

PENDAHULUAN

Akal budi adalah dua perkataan yang saling bergandingan pada makna sebagai cerminan kesopanan seseorang manusia dalam menggunakan bahasa dan kesantunan, semasa berfikir dan bertingkah laku sesuai dengan perannya dalam meninggikan keintelektualan dan peradaban bangsa. Maka itu akal budi sesuatu bangsa itu amat penting untuk menyokong perkembangan ketamadunan. Akal budi Melayu merupakan suatu konsep yang sentiasa hidup serta subur dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu. Junaini Kasdan (2020: 13) merumuskan secara harfiah, akal budi bermaksud ‘cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya’, namun istilah akal budi yang sering dijadikan padanan bagi kata *common sense*, dalam bahasa Inggeris, dibentuk secara sedar oleh penutur Melayu untuk mendukung erti yang lebih luas, berkaitan dengan tingkah laku, terhasil dari pemikiran yang waras dan bijaksana. Dengan akal manusia mampu mencipta, berkeinginan dan berperasaan mahu mencipta benda-benda baharu atau apa sahaja sama ada bersifat jasmani atau rohani. Namun, dengan budi, manusia dapat menilai antara hal-hal yang baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan.

Falsafah akal budi Melayu yang menyeluruh, haruslah merangkumi tingkah laku, pemikiran, cita rasa, nilai pengetahuan, dan alam kerohanian masyarakat Melayu. Dengan perkataan lain, akal budi Melayu adalah niat, kepercayaan, perasaan, pemikiran, dan tingkah laku orang Melayu yang dicetuskan dalam menangani pelbagai masalah. Pembangunan aspek akal budi ini merupakan unsur-unsur kemanusiaan dan peradaban yang penting bagi setiap manusia serta bangsa. Jika pengarang sastera begitu sering diteliti dan diteroka unsur kepengarangannya, maka seorang seniman juga harus dicari gali unsur kesenimanannya yang lebih luas perspektifnya. Seorang pengkarya seni dan sastera jarang diperkatakan dan diteliti secara terperinci apatah lagi dengan mengaitkan setiap karyanya dengan akal budi Melayu yang perlu dilihat lebih mendalam dan falsafahnya secara holistik serta merangkumi makna kehidupan itu sendiri.

Menurut Raja Iskandar (2020: 15-16), muzik bukan sekadar hiburan malah mampu berfungsi sebagai alat berkomunikasi yang berkesan, menyatukan masyarakat serta simbol identiti sesebuah negara, cerminan peradaban dan akal budi bangsa. Ia berperanan di dalam setiap aspek kehidupan masyarakat, dari sosial, ekonomi dan politik. Manakala Maniyamin (2006: 199) berpendapat, mengkaji seni orang Melayu sebenarnya mengkaji seluruh kehidupan orang Melayu itu sendiri, kerana di dalamnya tersembunyi hati dan jiwa orang Melayu. Dengan menerokanya, kita akan menemui perasaan dan pemikiran Melayu, *world-view*, kegiatan sosiobudaya, sains, kepercayaan, sistem ekonomi, sistem politik, kemasyarakatan, dan segala macam perihal tentang orang Melayu.

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Karya sastera dan seni adalah hasil bakat kreativiti, daya intelektual dan pandangan hidup dari seorang pengarang atau seniman. Lirik atau seni kata lagu adalah sebahagian daripada sastera popular yang mampu mengekspresikan rasa, pengalaman dan pemikiran penulisnya, lalu mempengaruhi khalayak dan masyarakat dalam setiap zaman di mana sesuatu lagu itu dihasilkan. Dalam keterbatasan pola tertentu yang harus diikuti, penulis lirik masih mampu menulis dan memberi kata-kata yang bersesuaian dengan melodi lagu. Lirik lagu terutamanya yang mengetengahkan tema masyarakat dan sosiobudaya orang Melayu, harus diangkat dan diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera di Malaysia kerana estetika dan kepelbagaian kisah serta pemikiran yang boleh didapati dalam lirik lagu tersebut. Di luar negara, lirik lagu sudah kerap menjadi subjek penyelidikan sama ada di peringkat tugas kursus mahupun tesis kesarjanaan serta doktor falsafah. Lirik lagu adalah satu medium sastera yang sangat dekat di hati masyarakat terutamanya untuk mengenal aspek kesusasteraan yang lebih santai tetapi mempunyai makna yang mendalam. Komunikasi antara seniman dan khalayaknya, diolah melalui simbol dalam karya seni dengan makna yang tersurat dan tersirat. Karya muzik yang terdapat dalam budaya Melayu sering kali berperanan sebagai hiburan dan juga nasihat.

Suroso & Puji (2009: 48) berpandangan, seniman itu lebih berorientasikan pada estetika atau keindahan, harmonisasi, keserasian dan memberi dorongan semangat hidup untuk mencapai cita-cita. Ibarat manusia yang bertubuh dan berjiwa, seniman lebih cenderung sebagai jiwa dan roh yang menghidupkan badan. Mana Sikana (1996: 148) pula berpendapat, seni muzik adalah cabang kebudayaan yang sama penting dengan seni sastera. Muzik juga dapat meninggikan daya pemikiran sesuatu bangsa serta merubah sikap hidup ke arah pencapaian peradaban yang bererti. Ahli-ahli psikologi menyifatkan muzik bukan sahaja alat penghibur tetapi juga sebagai agensi pembelajaran yang mempunyai kuasa tersendiri. Muzik dikatakan sangat rapat hubungannya dengan jiwa. Ia adalah permainan perasaan yang diwujudkan oleh bunyi-bunyi yang terhasil daripada suatu alat atau gabungan beberapa alat yang melahirkan nada, irama, dan lagu.

Penyelidikan ini bertitik tolak dari persoalan kurangnya kajian secara ilmiah dan mendalam mengenai seni kata lagu terutamanya yang melibatkan seorang tokoh seniman di dalam industri muzik Malaysia. Justeru hasil karya seorang seniman tersohor tanah air iaitu M. Nasir, akan menjadi sumber data untuk kajian ini. Menurut Payatt (2017: 8), dalam industri hiburan tempatan hari ini, individu paling layak digelar legenda ialah Datuk M. Nasir. Dalam tempoh 40 tahun kerjaya seninya, M. Nasir berjaya sebagai penyanyi, pelakon, komposer, penulis lirik, penerbit album, pelukis dan pernah mengarah filem. M. Nasir juga antara individu yang dihormati hampir semua penggiat seni tempatan. Baik yang aktif di arus perdana atau insan seni yang mementingkan unsur seni dan menolak gosip hiburan. Seni yang diketengahkan oleh M. Nasir terutamanya membabitkan lagu dan muzik ciptaannya, diterima ramai. Mohd Azam Sulong (2016: 97) berpendapat, M. Nasir merupakan seorang karyawan muzik yang sangat prolific dan versatil. Beliau telah banyak mencipta lagu yang popular dan menggondol beberapa anugerah berprestij dalam negara Malaysia. Karya cipta M. Nasir mempunyai karakter yang tersendiri. Seni kata lagu ciptaan beliau banyak menggunakan bahasa yang disusun secara berseni di mana penggunaannya untuk menyatakan sesuatu maksud dan mempunyai nilai estetik yang tinggi.

Bagi membuktikan bahawa lirik lagu bukanlah sebuah karya picisan dan mampu mencabar pemikiran, tamadun keilmuan dan keintelektualan bangsa Melayu, kajian ini akan mengupas dan membicarakan tentang falsafah kehidupan dan pemikiran seniman dalam mengekspresikan rasa dan jiwanya dari perspektif akal budi Melayu dengan menganalisis lirik lagu yang dihasilkan oleh seniman hebat M. Nasir melalui lagu-lagu di dalam album *Canggung Mendonan* dan *Phoenix Bangkit*. Menurut Akmal Abdullah (2009), mereka yang memahami lagu M Nasir akan tahu beliau menyanyi bukan sekadar menyanyi tetapi mengalunkan irama secara berfalsafah - mengenai persoalan kehidupan, ketuhanan, kemanusiaan, kasih sayang dan patriotisme. Bukan itu saja, malah daripada lagunya juga kita akan mempelajari sesuatu mengenai sejarah, tamadun, politik, geografi, kritikan sosial, budaya dan warisan bangsa.

Kajian ini akan mengaplikasikan Konseptual Akal Budi Melayu yang diutarakan oleh Supyan Hussin (2018) di mana ia telah menggariskan tujuh prinsip penting yang mempengaruhi dan membina akal budi Melayu iaitu falsafah, agama, sejarah, pemikiran, budaya, emosi dan gaya hidup. Setiap daripada satu elemen tersebut, mempunyai nilai-nilai yang tersendiri dan saling melengkapi. Akal budi Melayu sangat bersesuaian dikaji dan dianalisis terutamanya di dalam bidang kesusasteraan Melayu dan juga industri muzik melalui lirik lagu karya seorang seniman yang telah banyak mewarnai dunia seni tanah air. Prinsip falsafah akan menjadi tunjang kepada kajian ini. Falsafah sering kali dilihat sebagai suatu bidang ilmu yang sangat berat, abstrak dan rumit, namun jika ia diperhatikan secara menyeluruh, falsafah sangat dekat sekali dengan kehidupan manusia. A Susanto (2017: vii) berpendapat, falsafah adalah suatu ilmu pengetahuan yang berusaha mencari kebenaran, mencintai kebijaksanaan dan memberi banyak pelajaran tentang kesedaran, kemahuan serta kemampuan manusia sesuai dengan peranannya sebagai individu, makhluk sosial dan makhluk Tuhan untuk diaplikasikan di dalam kehidupan.

Bersesuaian dengan kata falsafah yang bermaksud mencintai kebijaksanaan, maka kajian ini akan menumpukan kepada dua perspektif yang setiapnya mempunyai dua unsur saling berkaitan antara satu sama lain. Perspektif tersebut adalah pertama; falsafah bangsa dan kata hikmah yang melihat dari aspek bangsa di seluruh dunia serta kata-kata hikmah bagi menggambarkan semangat dan amanat kepada

bangsa Melayu. Perspektif kedua; falsafah alam dan kisah inspirasi yang meneroka perlambangan alam yang diperturunkan oleh M. Nasir dan ada sebahagiannya mengandungi kisah inspirasi dari sejarah mahupun mitos. Falsafah melalui konsep akal budi Melayu ini juga sangat sinonim dengan karya-karya M. Nasir yang sarat dengan pemikiran seorang seniman yang genius.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan konseptual estetika keseniman yang menggabungkan pendekatan pemilihan kata daripada prinsip teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan, dan juga aspek kepengaruhan serta kepengarangan, untuk mendapatkan nilai-nilai estetik seorang seniman menerusi perspektif yang berkaitan dengan akal budi Melayu. Kajian ini juga akan menemu bual responden utama iaitu M. Nasir dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur untuk mendapatkan informasi yang diperlukan.

SKOP KAJIAN

Sebanyak lapan buah lirik lagu dari dua buah album solo M. Nasir iaitu *Canggung Mendonan* dan *Phoenix Bangkit*, akan menjadi sumber data untuk kajian ini dan kesemua lagu tersebut adalah hasil ciptaan sepenuhnya (lagu dan lirik) oleh M. Nasir. Perincian senarai lagu yang dipilih, dipaparkan seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Senarai Judul Seni Kata Lagu Kajian

Bil.	Judul	Album	Tahun	Kod Lagu
1.	Wadi	Canggung Mendonan	1993	WADI
2.	Tanya Sama Itu Hud Hud	Canggung Mendonan	1993	TSIH
3.	Bukalah Hatimu	Canggung Mendonan	1993	BH
4.	Perang Yang Lagi Satu	Canggung Mendonan	1993	PYLS
5.	Sahabat Gua	Phoenix Bangkit	2001	SG
6.	Phoenix Bangkit Dari Abu	Phoenix Bangkit	2001	PBDA
7.	Bila Rumi Menari	Phoenix Bangkit	2001	BRM
8.	Melawan Arus	Phoenix Bangkit	2001	MA

ANALISIS DAN DAPATAN

Data dalam bentuk kualitatif ini, akan dianalisis dan dibincangkan hasil dapatannya. Perbincangan dibuat secara deskriptif melalui kaedah analisis kandungan teks serta berpandukan kepada pemilihan diksi yang digunakan oleh pengkarya dengan merujuk kepada bagaimana seniman M. Nasir menyebarkan falsafah dan pemikiran keintelektualannya melalui karya-karya beliau.

Falsafah Bangsa dan Kata Hikmah

Falsafah merupakan salah satu prinsip dalam Konseptual Akal Budi Melayu oleh Supyan Hussin. Falsafah dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada cara bagaimana seniman M. Nasir menyebarkan pemikiran dan keintelektualannya melalui karya beliau. Menurut Awang Sariyan (2016: 2), erti falsafah daripada sudut bahasa ialah “cinta akan hikmah atau kebijaksanaan” manakala erti falsafah daripada sudut praktis pula ialah “alam berfikir atau fikiran secara mendalam tentang hakikat segala sesuatu”. Shamsudin, Azhar & Ghazali (2015: 4) pula berpandangan, falsafah sastera yang bertindak daripada pengertian umum, iaitu mencintai keindahan dan kebijaksanaan merupakan satu konsep muluk yang jika diperhalusi akan dapat membawa sesebuah masyarakat ke arah sebuah dunia yang aman dan harmoni.

Pembicaraan soal bangsa melalui perspektif falsafah yang menjurus kepada pembinaan peradaban dan ketamadunan, tidak hanya melibatkan bangsa Melayu tetapi juga bangsa-bangsa lain di dunia ini. Kata

hikmah pula atau juga disebut mutiara kata merupakan hasil pengalaman dan renungan yang mendalam oleh pemikir, cendekiawan serta tokoh-tokoh dalam pelbagai aspek kehidupan, lalu membuahkannya cetusan fikiran yang bernas lagi berisi sebagai panduan dalam kehidupan manusia terutamanya kepada bangsa si pemikir itu sendiri. Sesetengah manusia mempunyai jiwa yang mudah terkesan dengan kata-kata hikmah, lalu membuatkannya sedia mendengar kebenaran dan menerima pengajaran. Hassan Ahmad (2009: 219) berpendapat, orang Melayu mempunyai daya fikir yang sangat kreatif, abstrak dan produktif. Genius dan kreatifnya mereka mampu berfikir melalui metafora, perumpamaan, kiasan dan juga melalui bahasa simbolik serta alegorikal.

Ada beberapa situasi dan perkara di dalam hidup kita, yang tidak mampu atau tidak sanggup untuk kita terangkan secara jelas dan tepat. Mungkin kerana kita tidak mahu menyinggung perasaan orang lain yang mendengarnya. Maka itu untuk mengkritik atau menegur, orang yang menegur itu harus berdiplomasi dan menggunakan kata-kata yang tidak menyinggung hati perasaan orang yang ditegur, tetapi dalam masa yang sama, teguran tersebut harus mengesankan apatah lagi melibatkan perkara yang agak sensitif dan negatif. M. Nasir menggunakan frasa '*kata orang*' untuk merakamkan kata-kata hikmah yang pernah didengarnya tanpa menyebut secara spesifik siapakah yang pernah mengucapkan perkataan itu dan ia juga satu langkah selamat untuk mengkritik sesuatu perkara dengan menyatakan bahawa ada orang lain yang pernah mengungkapkan perkara tersebut. Ia terdapat di dalam lagu "Melawan Arus" seperti berikut;

*kata orang
jangan kau cuba melawan arus
pecah bahtera
kau kecundang karam terjerumus* (MA: rangkap 1, baris 1-4)

*kata orang
ada racun dalam kecantikan* (MA: rangkap 5, baris 1-2)

M. Nasir memberi peringatan agar berhati-hati jika kita mahu menongkah arus atau melakukan sesuatu perkara yang bukanlah dalam kebiasaan kerana tidak mudah untuk mengubah sesuatu yang menjadi kelaziman dan selesa dengan kita. Keselesaan selalunya bersifat indah, menarik dan menghiburkan. Harus diingat juga bahawa setiap keindahan dan kecantikan itu pasti ada racun yang terkandung di dalamnya. Jika tersilap langkah, padah yang lebih parah akan menanti. Namun, jika kita tidak mempunyai keazaman dan keberanian, kita hanya melalui jalan yang biasa dan mungkin hasilnya juga sekadarnya sahaja. Manusia dan bangsa yang maju selalunya adalah mereka yang berani untuk berubah.

Semua bangsa di dunia mempunyai agenda bangsa dan negaranya sendiri. Kekalutan yang berlaku di dalam negara, ditambah dengan kepimpinan dan penguatkuasaan undang-undang yang tidak berintegriti, boleh mencetuskan peperangan. Sama ada perang kecil atau besar, ia bergantung sejauh mana kita dapat mengawalinya. Dalam lagu "Tanya Sama Itu Hudhud" dan "Perang Yang Lagi Satu", pada frasa-frasa di bawah, membayangkan bahawa betapa kalut dan kusutnya dunia kita dalam menangani kemelut di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Atas nama kemajuan, kadangkala perang juga boleh tercetus demi menunjukkan kekuatan ketenteraan negara masing-masing. Kita harus sentiasa berwaspada dan bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Apatah lagi dengan propaganda dan mainan media Barat yang galak melaga-lagakan sebuah negara dengan negara yang lain.

*dalam kalut ada peraturan
peraturan cipta kekalutan
di mana pula kau berdiri* (TSIH: rangkap 5, baris 1-3)

*perang tak boleh dielakkan
hari ini atau esok
pasti berlaku
bagaikan realiti* (PYLS: rangkap 3, baris 5-7)

*jatuh bangun kerajaan dunia
dan semua mengejanya
atas nama kemajuan*

(PYLS: rangkap 2, baris 1-4)

*bicara tentang penghapusan marga
marga mana yang harus dihapuskan
Arya, Semit, Negroid, Mongoloid
siapakah kita di sisi Tuhan*

(BH: rangkap 3, baris 1-4)

Kita juga perlu mengetahui tentang bangsa lain terutamanya dari aspek sejarah, sikap, kelemahan, kekuatan dan mungkin kepupusan bangsa mereka. Pertanyaan '*marga mana yang harus dihapuskan*' dan '*siapa kita di sisi Tuhan*' di dalam lagu "Bukalah Hatimu", bukan sahaja perlu dilihat dari konteksnya tetapi juga dari subteks yang cuba disampaikan oleh M. Nasir iaitu untuk mengenal bangsa-bangsa lain yang ada di dunia ini dan yang paling penting adalah mengenal diri kita sendiri. Ia sejajar dengan apa yang telah dianjurkan dalam firman Allah SWT;

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan."

(Surah Al-Hujuraat, ayat 13)

Menurut M. Nasir (2024: 14), lagu "Bukalah Hatimu" ini adalah satu kritikan sosial di mana pada ketika lagu itu dicipta (1993), banyak perang yang meletus di dunia ini dan kita masih memikirkan di mana harus kita berdiri. Betul atau tidak cara kita berfikir. Kita selalu menyalahkan orang lain, orang tua kita dan salahkan sejarah. Berlakunya perubahan dan peperangan di dunia ini adalah kerana *rasisme*, benci kepada bangsa lain. Tuhan menciptakan pelbagai bangsa untuk saling kenal-mengenal. Tetapi ia tetap menjadi kebencian. Tidak bersetuju dengan pemikiran bangsa lain sahaja, kita akan membenci. Persoalannya, siapa yang mengisi kebencian itu? Sebab itu kita kena buka hati mereka yang ada sifat membenci ini.

*salahkan Zionis
atau Freemason
salahkan Nazi
dan Klu Klux Klan*

(BH: rangkap 4, baris 1-4)

*salahkan orang tua
salahkan sejarah
salahkan semuanya*

(BH: rangkap 5, baris 1-3)

*mudah sangat menyalahkan orang
bila diri ditimpa malang*

(BH: rangkap 9, baris 1-2)

Manusia juga sentiasa mahu menyalahkan pihak lain dalam sesuatu kemusnahan yang berlaku dan jarang untuk mengaku kesalahan atau kekejaman kita sendiri. Pemikiran yang sentiasa beralasan dan mahu menyalahkan pihak lain jika sesuatu perkara itu tidak berjalan seperti dirancangan juga, boleh menjadi barah kepada bangsa itu sendiri. Kita tidak pernah bermuhasabah atas sesuatu kegagalan dan selalunya akan ada perkara yang harus 'dikambinghitamkan' untuk menutup segala kelemahan kita dan yang paling sering dipersalahkan adalah pihak yang tidak sehaluan atau yang tidak menyokong sesuatu usaha tersebut. Sesuatu bangsa tidak akan boleh berubah jika sentiasa beralasan dan mempunyai 'dalil' untuk menafikan setiap kesilapan yang pernah mereka lakukan. Menurut HM Tuah Iskandar (2004: 255), manusia yang gagal, selalunya akan memberikan pelbagai alasan. Sifat semula jadi manusia, lebih gemar mencari dan memberi alasan terhadap semua kegagalannya. Jarang sekali hendak mengaku kelemahan-kelemahan diri sendiri yang telah menyumbang pada sesuatu kegagalan itu.

Untuk menjadi bangsa yang maju, kuat, cekap, berilmu dan berdaya saing tinggi, orang Melayu hari ini perlu berusaha lebih gigih untuk mengubah cara mereka menghayati jati diri mereka dan menggunakannya sebagai asas kekuatan bangsa (Hassan Ahmad, 2009: 142). Semua anggota masyarakat, terutamanya orang Melayu, harus bersatu dan bersama dalam menghadapi setiap cabaran serta mencapai cita-cita untuk terus memajukan bangsa mereka sendiri. Setiap manusia mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Mengumpul semua kelebihan setiap dari mereka, adalah cara bagaimana mencari kekuatan pada setiap bangsa tanpa ada sikap iri hati. HM Tuah Iskandar (2004: 288) berpendapat, tanpa kekuatan diri, Melayu akan dilihat sebagai bangsa biasa sahaja. Maka suaranya akan didengar biasa sahaja walaupun ia lantang dan cukup menggigit pada hakikat yang sebenar.

*rapatkan saf semangat mu jangan goyah
kota yang telah roboh harus dibina semula* (PBDA: rangkap 2, baris 1-2)

*jangan kau gentar pada bayang-bayang sendiri
di sebalik pahit getir kemenangan menanti* (PBDA: rangkap 3, baris 1-2)

Untuk menjadi bangsa hebat dan umat Islam yang kuat, M Nasir berpesan kepada orang Melayu-Islam, di dalam lagu “Phoenix Bangkit Dari Abu”, untuk bersatu hati dan terus bersemangat jika mahu menang di dalam sesuatu perjuangan. Tidak perlu takut pada bayang-bayang, yakni perkara yang boleh melemahkan semangat dan kekuatan sesuatu bangsa itu sendiri. Bangsa yang lemah harus segera bangun, merapatkan saf kembali untuk sama-sama membina semula segala kekurangan yang ada. Hassan Ahmad (2009: 24) berpandangan, sejarah membuktikan bahawa salah satu punca berlakunya kebangkitan dan kemajuan tamadun sesuatu bangsa ialah melalui pertembungan ilmu antara bangsa itu dengan tamadun bangsa-bangsa lain. Pertembungan ini dimungkinkan oleh keupayaan bangsa-bangsa yang bertembung itu mempelajari budaya, pemikiran, pandangan hidup dan ilmu masing-masing.

Dalam lagu “Perang Yang Lagi Satu”, M. Nasir sekali lagi memberi pesanan kepada bangsa Melayu agar mengenal kekuatan dan kelemahan diri yang menyebabkan kita takut untuk bertindak dan berjuang atas nama kebenaran. Mungkin perkara yang ditakutkan dan kekuatan yang diragui itu adalah kelebihan sesuatu bangsa untuk menang dalam perjuangan. Demi sebuah kemenangan, kita harus terlebih dahulu mengalahkan perkara yang negatif di dalam diri seperti keegoan, sombong dan merasa diri lebih kuat dan pandai dari orang lain. Apa yang penting adalah kita harus sedar diri, sedar ruang dan sentiasa bermuhasabah atas segala apa yang ingin kita lakukan.

*kenal dulu ketakutan
yang kau simpan
malu nak lepaskan
kenal dulu kekuatan
yang kau ragukan* (PYLS: rangkap 4, baris 2-6)

*kita takkan sesat
dalam kesesatan ini* (WADI: rangkap 3, baris 1-2)

M. Nasir membawa khalayak untuk melihat bagaimana maksud kesesatan itu, bukanlah suatu pengakhiran di dalam hidup, tetapi ia akan membuatkan perjalanan kehidupan itu lebih mencabar dan bermakna. Ini dapat dilihat dari frasa ‘*kita takkan sesat, dalam kesesatan ini*’ di dalam lagu “Wadi”. M. Nasir (2024: 14) mengatakan bahawa, frasa tersebut adalah satu falsafah seumpama kita yang berada di lingkungan yang kecil tetapi sebenarnya kita berada di dalam lingkungan yang besar. Kita merasa seperti kita sesat di dalam dunia yang besar ini, tetapi sebenarnya tidak, dan kita masih tetap berada di dalam dunia ini. Analogi tersebut hanya bersifat fizikal atau lahiriah, tetapi ia boleh digunakan dari sudut pemikiran juga. Ia juga boleh membawa pengertian bahawa kesesatan atau keterasingan

seseorang manusia itu, bukanlah sesat dalam mencari kebenaran hanya kerana dia tidak mengikut orang yang ramai. Bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW:

"Sesungguhnya Islam muncul pertama kali dalam keadaan asing dan akan kembali dalam keadaan asing pula, maka beruntunglah orang-orang yang terasing." Abdullah bertanya, "Siapakah orang-orang yang terasing itu?" dan Baginda menjawab: "Orang-orang yang memisahkan diri dari kabilah-kabilah (yang sesat)."

(HR Ibnu Majah, No. 3978)

Falsafah Alam dan Kisah Inspirasi

Akal budi Melayu berawal daripada pemerhatian persekitaran atau disebut sebagai alam. Masyarakat Melayu banyak menggunakan kesan-kesan alam sekelilingnya dengan segala kemampuan imaginasi mereka, lalu mengaitkannya dengan aspek kehidupan (Junaini & Nor Hashimah, 2018: 154). Pengalaman bersama alam itu sangat penting untuk seniman terutamanya orang Melayu, memetaforakan karyanya menggunakan alam dengan simbol dan fungsi yang jelas pada maksud yang hendak disampaikan. Falsafah *'alam terkembang menjadi guru'*, adalah kaedah mengajar manusia Melayu untuk mengenal diri mereka sendiri lantaran manusia itu juga adalah sebahagian daripada alam.

Dalam lagu "Melawan Arus", terdapat frasa *'di balik gunung di kaki pelangi, engkau cari'*, adalah merujuk kepada manusia yang dalam pencarian Tuhannya. Menurut Seyyed Hossein Nasr dalam Baharudin Ahmad (2008: xiii), Tuhan bukannya di atas gunung atau di langit tetapi meliputi semua segala; sesuatu yang sangat penting sebagai asas pemikiran dan harus difahami apabila kita ingin memahami sejarah kemanusiaan dan alam yang dihidupinya. Manakala frasa *'cemburukan matahari'* di dalam lagu "Sahabat Gua" adalah gambaran tentang keadaan enam pemuda yang disembunyi dan ditidurkan oleh Allah SWT selama 309 tahun yang juga dikenali sebagai Ashabul Kahfi, di sebuah gua tanpa ada cahaya matahari. Semua ini boleh disemak melalui frasa-frasa di bawah;

*tapi jika terpaksa pergi
kau mesti pergi
di balik **gunung** di kaki **pelangi**
engkau cari*

(MA: rangkap 2, baris 1-4)

*terang walaupun dia tersembunyi
cemburukan matahari*

(SG: rangkap 2, baris 1-2)

Dalam lagu "Sahabat Gua" juga, terdapat dua kata *'bintang'* yang dinukilkan dalam satu rangkap. Frasa *'bintang di langit'* merujuk kepada ilmu astronomi iaitu ilmu tentang bintang-bintang dan planet, juga membawa maksud kepada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tinggi. Frasa *'bintang yang satu ini'* pula merujuk kepada keimanan yang ada di dalam diri dan hati seseorang. Ini bermaksud, seberapa tinggi ilmu yang dimiliki manusia, tidak akan sama dengan tinggi keimanannya. Ketinggian iman itu lebih penting untuk dijaga demi memelihara tauhid kepada Allah SWT. Ini juga merujuk kepada kisah Ashabul Kahfi yang telah diceritakan di dalam al-Quran.

*berapa banyak **bintang di langit**
engkau kaji engkau hafali ya sahibul kahfi
tak akan sama **bintang** yang satu ini
yang engkau kenali di dalam hati*

(SG: rangkap 1, baris 1-4)

*lihat itu **bintang**
petunjuk*

(WADI: rangkap 4, baris 3-4)

Kata '*bintang*' di dalam lagu "Wadi" pula, adalah merujuk kepada ilmu bintang yang menjadi rujukan serta panduan kepada pengembara untuk menentukan arah. Pengembara harus mengetahui arah tujuan agar tidak tersesat jauh dari pencariannya yang sebenar. Lynda Shaffer dalam Naim Tamdjis (2020: 130) menyatakan, pelayar-pelayar Melayu mempunyai ilmu laut yang tinggi, belayar merentasi lautan beribu-ribu batu tanpa bantuan kompas atau carta bertulis. Mereka menggunakan angin, bintang, warna air laut dan rupa bentuk gelombang laut untuk mengetahui lokasi.

Perjalanan waktu itu sendiri adalah simbolis perjalanan hidup manusia yang penuh cabaran dan dugaan. Sepanjang perjalanan waktu itu, berlaku peristiwa yang menyentuh kemanusiaan, misalnya kebakaran, kemarau, pergaduhan dan keganasan. Semua itu adalah iktibar dan ibarat untuk manusia mencari kemanusiaannya (Mohd Yusof Hasan, 2009: 143). Kata '*bermalam*' membawa maksud merehatkan diri dan tidur pada waktu malam. Kata ini selalunya akan digunakan untuk orang yang bermusafir atau yang sedang mengembara. Dalam lagu "Wadi", frasa '*kita akan bermalam di wadi ini*' merujuk kepada sekumpulan pengembara atau disebut juga di dalam lagu ini sebagai kabilah, yang berhenti sebentar untuk membersihkan dan merehatkan diri di sebuah wadi. Menurut Ayu Rini (2008: 84), wadi adalah lembah di gurun yang mengandungi air hanya apabila berlaku hujan lebat. Wadi biasanya menjadi pusat populasi manusia kerana mereka memerlukan air. Frasa tersebut juga membawa makna yang lebih luas di mana sekumpulan manusia yang berhijrah atau mengembara, haruslah juga berhenti sebentar untuk mengumpul kekuatan demi meneruskan perjalanan panjang dan mungkin penuh dengan cabaran serta rintangan yang masih belum diketahui.

*dan bersihkanlah muka mu
kita akan **bermalam** di wadi ini* (WADI: rangkap 1, baris 2-3)

*bertemu kekasih di **malam kudus**
luka di badan tak terasa lagi* (BRM: rangkap 4, baris 3-4)

*menyinsing **subuh syafi'i**
pulanglah mereka
ke penjara masing-masing* (PYLS: rangkap 7, baris 1-3)

Frasa '*bertemu kekasih di malam kudus*' di dalam lagu "Bila Rumi Menari" adalah membayangkan bahawa waktu malam adalah masa yang sesuai untuk setiap hamba 'berkasihan' dengan kekasihnya yakni Allah SWT. Malam juga adalah waktu terbaik untuk kita beribadah. Firman Allah SWT di dalam surah *Al-Muzzammil*, ayat 7, yang bermaksud; "*Kami galakkan engkau dan umatmu beribadat pada waktu malam, kerana sesungguhnya engkau pada siang hari mempunyai urusan-urusan yang panjang kira bicaranya*". Begitu juga dengan Aidh Al-Qarni (2013: 39) yang berpesan, apabila engkau bersujud, maka adukanlah permasalahanmu kepada Allah SWT dengan cara rahsia, kerana Allah Maha Mengetahui yang tersembunyi lagi rahsia. Kata '*subuh syafi'i*' atau juga disebut subuh sepei adalah waktu paling awal subuh atau pagi-pagi benar. Dalam lagu "Perang Yang Lagi Satu", rangkap yang menggunakan kata '*subuh syafi'i*' ini bermakna, kumpulan yang ingin pergi berperang itu, tidak jadi melakukannya dan awal-awal pagi lagi mereka telah kembali ke tempat asal dan kembali dibelenggu oleh keraguan masing-masing.

Perspektif falsafah ini tidak terlepas dari memperkatakan tentang isu global yang melibatkan cara kita berfikir dan bagaimana pemikiran kita dipengaruhi. M. Nasir mengaitkan semua itu dengan memperlambangkan unggas atau burung di dalam karya lirik lagunya. Burung juga adalah satu makhluk ciptaan Allah SWT bertebaran di serata alam yang telah banyak disebut di dalam al-Quran dan di antaranya melalui firman Allah SWT di dalam surah *Al-Nahl*, ayat 79 yang bermaksud; "*Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah; sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman*".

Dalam lagu "Tanya Sama Itu Hudhud" dan "Bila Rumi Menari", kata '*burung*' digunakan oleh M. Nasir dan kedua-duanya mengangkat martabat dan tanggapan khalayaknya kepada seekor burung. Pandangan

'dari mata burung' tentunya lebih luas dan menyeluruh, maka itu burung-burung boleh terbang mencari makanan dalam kawasan yang lebih besar atau mampu keluar dari negara asalnya. Seniman M. Nasir memperingati khalayaknya untuk lebih terbuka pemikiran dalam melihat sesuatu isu atau persepsi. Antara melihat secara keseluruhan atau dengan melihat di dalam lingkungan kehidupan mereka yang sempit sahaja. Kata '*burung berharga*' pula membawa konotasi bahawa sesuatu yang bernilai itu pastinya akan dicari dan disimpan orang, namun malanglah jika ia telah terlepas atau dicuri, persis keimanan dan apa yang kita cintai, telah hilang begitu sahaja hanya kerana kelalaian kita sendiri.

*lihat dunia dari mata **burung**
atau lihat dari dalam tempurung
yang mana satu engkau pilih*

(TSIH: rangkap 4, baris 1-3)

*bagai sangkar tanpa penghuni
burung berharga terlepas lari*

(BRM: rangkap 6, baris 5-6)

*bagaikan **burung phoenix** bangkit dari abu
bangkit membina (semula)
satu keindahan (baru)
phoenix bangkit*

(PBDA: rangkap 3, baris 3-6)

Burung phoenix pula merupakan seekor burung yang anggun dan tidak memiliki pasangan hidup serta hidup sendiri dalam kesunyian. Phoenix mampu hidup kira-kira seribu tahun. Ia tahu betul masa kematiannya akan tiba dan akan membuatkan hatinya sedih dan remuk lalu ia mengumpulkan bahan bakar dari serata pepohonan dan dikumpulkan di suatu tempat. Ia meletakkan tubuhnya sendiri di tengah-tengah longgokan kayu itu sambil meratapi dirinya sendiri. Ketika ia harus menghembuskan nafas terakhir, phoenix mengibaskan ekor dan bulu-bulunya untuk menyalakan unggun kayu api tadi dan membakarnya dengan penuh marak dan semangat. Longgokan kayu dan burung itu menjadi gumpalan merah menyala yang berkilauan. Ketika arang kayu melebur menjadi abu kecuali pada sebuah percikan bunga api yang masih tersisa dan dari abu itulah seekor burung phoenix baru menjelma kembali (Muhammad Zaairul Haq, 2011: 52-53). Kisah mitos burung phoenix ini juga telah dijadikan inspirasi oleh M. Nasir di dalam karya lirik lagunya. Begitu juga dengan beberapa unggas lain yang diinspirasi dari kisah-kisah sufi dan juga sejarah yang diceritakan di dalam al-Quran.

Syair *Mantiq al-Tayr* pula mengisahkan tentang sekumpulan burung dalam penerbangan rahsia mencari seekor burung lain yang bernama Simurgh atau burung rajawali. Selepas mengalami pelbagai halangan, burung-burung itu yang cuma tinggal 30 ekor akhirnya dapat bertemu dengan Simurgh dan dapat bersatu dengannya (Mustafa Mohd Isa, 1992: 43). Menggunakan kata '*hudhud*' '*mergastua*' dan '*raja si Muraq*' yang merujuk kepada Simurgh, jelas memperlihatkan bahawa M. Nasir sememangnya bercerita tentang *Mantiq al-Tayr* atau Musyawarah Burung atau juga disebut Persidangan Burung di dalam lagu "Tanya Sama Itu Hudhud". Burung hudhud (belatuk) telah diceritakan di dalam al-Quran dan dikaitkan dengan tugas menjadi perantara dakwah Nabi Sulaiman a.s. terhadap Puteri Balqis. Menurut Muhammad Zaairul Haq (2011: 134), burung hudhud adalah simbol seorang salik yang telah berada dalam darjat tertinggi seorang sufi. Dianggap pemberi petunjuk di dalam dunia sufi dan sering diistilahkan sebagai ahli makrifat atau mursyid. Ini menunjukkan bahawa seniman M. Nasir sangat berpengetahuan luas serta mampu menterjemahkan kisah Fariduddin 'Attar ini dengan baik serta bermakna dan ia boleh dilihat dalam frasa-frasa berikut;

*ribu-ribu **mergastua**
mencari raja **si Muraq**
yang sampai hanya tiga puluh
tiga puluh*

(TSIH: rangkap 2, baris 1-4)

*tanya sama itu **Hudhud***

*lang mensilang
kui mengsikui
kerana dia yang terbangkan aku ke mari* (TSIH: rangkap 8, baris 1-4)

Kata-kata hikmah dan kisah-kisah inspirasi terdapat juga dalam falsafah kesufian. Ia perlu datang dengan mendalami ilmu kesufian. Sebahagian daripada cermin-cermin ataupun laungan-laungan orang-orang sufi, ada dalam kata hikmah dan kisah inspirasi. Beliau ada membaca kisah-kisah nukilan Jalaluddin Rumi, Ibnu Arabi dan tokoh-tokoh sufi silam yang lain juga (M. Nasir, 2024: 10-11). Kata '*sang algojo*' telah diselitkan juga di dalam lagu "Tanya Sama Itu Hudhud". Algojo adalah orang yang ditugaskan menjalankan hukuman mati dan antara pekerjaan yang paling kejam terutamanya pada abad pertengahan. Menurut Mohd Azam Sulong (2019: 17), watak sang algojo ini adalah berdasarkan dari cerita Mansur al-Hallaj, seorang ahli sufi yang hebat. Gugun El Guyanie (2021: 290-291) menyatakan, Mansur al-Hallaj telah pancung kepalanya oleh algojo atas arahan pemerintah Baghdad kerana doktrin kontroversinya dikenali sebagai "Ana al-Haq". Mayatnya tanpa kepala dibakar, lidahnya dipotong dan matanya dicungkil. Seorang lagi ahli sufi, Syeikh Siti Jenar yang terkenal di Nusantara juga telah dihukum pancung dan dilaksanakan oleh algojo. Menurut Ninian Smart (2015: 239), Al-Hallaj dihukum penjara selama lapan tahun sehingga menimbulkan kebangkitan rakyat sebelum beliau diseksa, dibakar, dikudungkan, disalib dan kemudiannya dibunuh lalu tubuhnya dibakar.

*uuh... sang algojo
uuh... nanti dulu* (TSIH: rangkap 3, baris 1-2)

*bagai musafir bertemu janji
ini darwish sudah gila berahi* (BRM: rangkap 2, baris 3-4)

Fariduddin 'Attar pernah menulis kisah puteri raja dengan seorang darwish dan kisah pengiran dengan pengemis (darwish). Kedua-dua kisah ini berakhir dengan cinta yang tidak kesampaian kerana perbezaan darjat (Muhammad Zaairul Haq, 2011: 53-54). M. Nasir juga menyelitkan kata '*darwish*' di dalam lagu "Bila Rumi Menari". Sememangnya M. Nasir terinspirasi dengan karya beberapa orang ahli sufi seperti Mansur al-Hallaj, Fariduddin 'Attar dan Jalaluddin Rumi. Pengaruh Mansur al-Hallaj pula membentuk watak Fariduddin 'Attar yang lahir lebih 150 tahun selepas beliau. Pengaruh guru pada muridnya terus kekal meskipun guru itu telah meninggalkan dunia yang fana ini. Muhammad Zaairul Haq (2011: 23) menyatakan, 'Attar hidup pada sekitar 626H dan Mansur al-Hallaj jauh sebelumnya iaitu sekitar tahun 309H. Rumi yang menjadi pengagum setia 'Attar telah menegaskan bahawa 'Attar tidak memiliki guru yang hidup, namun ia belajar dari roh Mansur al-Hallaj di sepanjang mimpinya.

Konsep utama sasterawan sufi di dalam tema karyanya ialah tauhid. Islam datang untuk menghapuskan syirik maka tauhid adalah asasnya yang menolak syirik (Baharudin Ahmad, 2008: xiv). M. Nasir (2024: 3-4) menyatakan bahawa, perjalanan seninya tidak diatur namun mendapat pengaruh dari unsur-unsur luaran yang diamatinya sebelum ini. Sesuatu pengaruh itu harus ditapis dengan nilai keimanan, pegangan agama dan jiwa kemelayuan yang kukuh agar ia tidak terpesong dari landasan kebenaran. Begitu jugalah halnya dalam pembentukan sebuah peradaban. Maka dapat dirumuskan bahawa seniman M. Nasir meletakkan kematangannya dalam berkarya dengan kembali kepada hal-hal yang berkaitan syiar Islam, sufisme dan mencari Tuhan, terutamanya pada lagu di dalam album-album solo beliau. Menggunakan falsafah alam dan dikaitkan dengan kisah inspirasi terutamanya karya-karya sufi, adalah terlihat sangat bijaksana dan beliau secara tidak langsung telah menterjemahkan makna akal budi Melayu itu sendiri.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, analisis lapan buah lirik lagu karya sepenuhnya oleh seniman M. Nasir di dalam album *Canggung Mendonan* dan *Phoenix Bangkit* ini, memperlihatkan citarasa yang tinggi pengarang dalam menukulkan karyanya. Karya muzik yang 'berat' harus disertai oleh lirik yang bernilai estetik tinggi juga agar keseimbangan serta kematangan karya tersebut, dapat dinikmati dengan puas dan

bernas. Justeru sewajarnya lirik lagu harus diangkat dan diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera di Malaysia kerana nilai estetika dan kepelbagaian falsafah yang boleh didapati dalam sesebuah lirik lagu. Ia juga membuktikan bahawa M. Nasir sebagai seorang seniman, konsisten dalam kematangan pemikirannya untuk sentiasa mahu mempengaruhi dan menyedarkan khalayak serta bangsa Melayu tentang perubahan yang harus mereka lakukan demi memajukan diri sendiri, masyarakat, negara, bangsa dan juga agama.

RUJUKAN

- A. Susanto (2017). *Filsafat ilmu suatu kajian dalam dimensi ontologis, epistemologis dan aksiologis*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Aidh Al-Qarni (2013). *Kebahagiaan ada pada diri anda*. (Syahrin bin Jasah & Muhammad Akhyar, Penterjemah). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Akmal Abdullah (2009, Mac 1). Mungkin konsert solo terakhir M Nasir? *Berita Minggu*.
- Awang Sariyan (2016). *Asas falsafah dan pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayu Rini (2008). *Ensiklopedia fenomena alam*. Yogyakarta: Pinus Book Publisher.
- Baharudin Ahmad (2008). *Rangkaian sastera sufi*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Gugun El Guyanie (2021). *Syekh Siti Jenar - Sejarah, ajaran dan kisah kematian yang kontroversial*. Yogyakarta: Penerbit Araska.
- Hassan Ahmad (2009). *Ke luar jendela*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- HM Tuah Iskandar (2004). *Membina jati diri gemilang*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). 'Ikan di laut asam di darat, di dalam kuali bertemu jua': Analisis semantik inkuisitif dalam kiasan, kognitif dan akal budi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 3-16.
- Koleksi Mutiara Hadis (2014). Diperoleh April 1, 2024 daripada <http://www.hadis.my/>
- M. Nasir (2024, Mac 18). *Transkrip temu bual bersama M. Nasir*. Tesis Doktor Falsafah Hairul Anuar Harun. Institut Peradaban Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris. (Tidak diterbitkan).
- Mana Sikana (1996). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin Ibrahim (2006). *Menggali keintelektualan silam membina seni masa kini*, dalam *Persuratan dan peradaban nasional*, (Mohamad Saleeh Rahamad, S.M. Zakir Eds., Penyelenggara) Kuala Lumpur: PENA.
- Mohd Azam Sulong (2016). *Unsur-unsur gaya bahasa dalam seni kata lagu Melayu Terbaik karya cipta M. Nasir*. Kertas Kerja dibentangkan pada *Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Asean ke-3*. Universiti Fatoni, Thailand. 25-26 Mei 2016.
- Mohd Azam Sulong (2019). *Estetika lagu-lagu Melayu popular berdasarkan aspek seni kata dan melodi lagu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Doktor Falsafah. (Tidak diterbitkan).
- Mohd Yusof Hasan (2009). *Pemikiran global sasterawan negara Shahnnon Ahmad*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Muhammad Zaairul Haq (2011). *Faridudin 'Attar dan kisah-kisah hikmahnya*. Bantul: Kreasi Wacana.
- Mustafa Mohd Isa (1992). *Pengaruh Islam dan pembinaan kesusasteraan Melayu Klasik bercorak Islam di Nusantara*, dalam *Sastera sufi*, (Baharudin Ahmad, Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naim Tamdjis (2020). *Manuskrip Melayu yang hilang*. Kuala Lumpur: Patriots Publishing.
- Ninian Smart (2015). *Falsafah Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Payatt (2017, Disember 23). M. Nasir yang versatil. *Harian Metro*, 8.
- Raja Iskandar bin Raja Khalid (2020). *Perkembangan muzik popular di Malaysia – satu tinjauan sejarah tahun 1900-1969 dalam Muzik independen* (S.O. Husain, Nur Hanim & Mohamad Huzaifah, Penyelenggara). Ipoh: Kampung Karyawan Amanjaya.

- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Supyan Hussin (2018). *Inclusiveness of Malay, Islam and its contribution to modern civilization development. Plenary paper* dibentangkan pada *Batu Sangkar International Conference III*, Institut Agama Islam Negeri Batu Sangkar, Sumatera Barat, Indonesia, 15 Oktober 2018.
- Suroso & Puji Santosa (2009). *Estetika sastera, sasterawan & negara*. Yogyakarta: Pararaton Publishing.
- Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu (2007). Diperoleh April 1, 2024 daripada <http://www.surah.my/>

LAMPIRAN

Tajuk Lagu : **WADI**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Canggung Mendonan
Tahun : 1993

minum air ini
dan bersihkanlah muka mu
kita akan bermalam di wadi ini

kita telah lari
dari kota kemunafikan
maka rehatlah kabilah ku

kita takkan sesat
dalam kesesatan ini
kita harus keluar
untuk pulang

ku tahu di antara mu
masih ada kesangsian
lihat itu bintang
petunjuk

hampir, hampir
hampir dekat (semakin hampir) padanya
hampir, hampir
seakan dalam pelukan

Tajuk Lagu : **TANYA SAMA ITU
HUD-HUD**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Canggung Mendonan
Tahun : 1993

tujuh puluh tiga pintu
tujuh puluh tiga jalan
yang sampai hanya satu jalan

ribu-ribu mergastua
mencari raja si Muraq
yang sampai hanya tiga puluh
tiga puluh

uuh... sang algojo
uuh... nanti dulu

lihat dunia dari mata burung
atau lihat dari dalam tempurung
yang mana satu engkau pilih

dalam kalut ada peraturan
peraturan cipta kekalutan
di mana pula kau berdiri
di sini

uuh... sang algojo
uuh... nanti dulu

berikan ku kesempatan akhir ini
untuk menyatakan kalimah sebenar
berikan ku kesempatan akhir ini
lai lai la lai lai lai lai

tanya sama itu hud-hud
lang mensilang
kui mengsikui
kerana dia yang terbangkan aku ke mari

Tajuk Lagu : **BUKALAH HATIMU**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Canggung Mendonan
Tahun : 1993

mereka bawa perang di kaca TV
secara 'live' melalui satelit
yang untung broker teknologi
kita hanya dapat kemeja-T

CNN bawa berita beruang luka
CIAkah yang menembaknya
Amerika sibuk mencatari dunia
beban sengsara hutang bertambah
di dunia ketiga
dunia ketiga

bicara tentang penghapusan marga
marga mana yang harus dihapuskan
Arya, Semit, Negroid, Mongoloid
siapakah kita di sisi Tuhan

salahkan Zionis
atau Freemason
salahkan Nazi
dan Klu Klux Klan

salahkan orang tua
salahkan sejarah
salahkan semuanya
tapi diri mu

bukalah hati mu
pada kebenaran
buka hati mu
pada kebenaran

haruskah kita diperdayakan
dalam permainan dalang tua
bukalah hati mu
pada kebenaran
kerana kebenaran
ada di dalam
haruskah kita sama menyertai
skim kehancuran ini
bukalah hati mu
pada kebenaran
kerana kebenaran
ada di dalam

mudah sangat menyalahkan orang
bila diri ditimpa malang
bukalah hati mu
pada kebenaran
kerana kebenaran
ada di dalam

Tajuk Lagu : **PERANG YANG
LAGI SATU**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Canggung Mendonan
Tahun : 1993

ini bukan peperangan mu
mbah tertawakan ku
hanya sistem kekalutan
yang tak perlu kau tahu

bahkan lebih menguntungkan
kau serap dalam mereka
tapi kau bukan mereka
bukan mereka

bagaikan realiti
jatuh bangun kerajaan dunia
dan semua mengejanya
atas nama kemajuan
perang tak boleh dielakkan
hari ini atau esok
pasti berlaku
pasti berlaku

ya salam...
kenal dulu ketakutan
yang kau simpan
malu nak lepaskan
kenal dulu kekuatan
yang kau ragukan

aku bertanya mbah lagi
perang apa yang lebih menakutkan
katanya takkan kau tak tahu
pesan baginda mu dulu
perang itukah maksud mu
maksud mu yang lagi satu
yang lagi satu

ya salam...
kenal dulu ketakutan
yang kau simpan

menyinsing subuh syafi'i
pulanglah mereka
ke penjara masing-masing

Tajuk Lagu : **SAHABAT GUA**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Phoenix Bangkit
Tahun : 2001

berapa banyak bintang di langit
engkau kaji engkau hafali ya Sahibul Kahfi
tak akan sama bintang yang satu ini
yang engkau kenali di dalam hati

terang walaupun dia tersembunyi
cemburukan matahari
cahaya berseri-seri
jika engkau kenali

kita ditakdirkan lari
jauh dari kezaliman
terperangkap dalam gua ini
hingga masa tuhan tunjuk kebenaran

mari ikut rentak ku
rentak tari dulu-dulu
lagu marhaen sederhana
di sini tiada duka
terima saja dengan redha
peranan mu dalam dunia

kerana pegangan
engkau hadapi
dugaan ini ya Sahibul Kahfi

kamil!
kalimah kebenaran telah zahir
tak usah engkau ragukan
kita datang dari dia
kita pulang pada-Nya

banyak ayat mujarobat
bisa menawarkan luka
namun penyakit jiwa ini
tak bisa ditawan tanpa penyerahan

Tajuk Lagu : **PHOENIX BANGKIT
DARI ABU**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Phoenix Bangkit
Tahun : 2001

bina jambatan menuju ke seberang
melangkah jurang lebar dan dalam
dengan darah dan keringat
dengan air mata
berpegang pada tali-Nya

rapatkan saf semangat mu jangan goyah
kota yang telah roboh harus dibina semula
atas dasar kebenaran demi kita demi waris
semua serangan yang datang kita tangkis

jangan kau gentar pada bayang-bayang sendiri
di sebalik pahit getir kemenangan menanti
bagaikan burung phoenix bangkit dari abu
bangkit membina (semula)
satu keindahan (baru)
phoenix bangkit

bina jambatan menuju ke seberang
dengan darah keringat dan air mata oh...
melangkah ke seberang ke tanah
yang dijanjikan
dirindukan
demi cinta tiada lain
demi cinta

Tajuk Lagu : **BILA RUMI MENARI**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Phoenix Bangkit
Tahun : 2001

Tajuk Lagu : **MELAWAN ARUS**
Pencipta Lagu : M. Nasir
Penulis Lirik : M. Nasir
Album : Phoenix Bangkit
Tahun : 2001

kita menari bukan sebarang tarian
asalnya dari tanah orang-orang pilihan
bila terdengar masnawi ciptaan maulan
ku bunuh nafsu lebur rantainya dari badan

hingga hilang bangga diri
berani hidup berani mati
bagai musafir bertemu janji
ini darwish sudah gila berahi

kita tak rindu pada siasah dunia
perangkapnya membuat manusia hampa
untuk bertemu impian bukan percuma
mengorbankan yang tersangat kita cinta

bagai yunus dimakan paus
ibrahim tak makan api
bertemu kekasih di malam kudus
luka di badan tak terasa lagi

pukullah rebana jantung ku bersyairlah maulana
aku mabuk hakiki mendengar suara mu

sayang...
pada mereka yang tak mengerti
sayang...
pada hati tertutup mati
bagai sangkar tanpa penghuni
burung berharga terlepas lari

rindu (ya maulana)
kembali bertemu (ya maulana)
hatiku merindukan pemiliknya (ya maulana)
rindu (ya maulana)
kembali bersatu (ya maulana)
kembali bersatu dengan yang dikasihi
(kembali bersatu dengan kekasih)

kata orang
jangan kau cuba melawan arus
pecah bahtera
kau kecundang karam terjerumus

tapi jika terpaksa pergi
kau mesti pergi
di balik gunung di kaki pelangi
engkau cari

mimpi perangsang hidup
dan kau diberi tawaran
tak bisa ditolak

minta bebas
bebas dari sangkar maya ini
minta terbang
lepas dari sarang buana ini

kata orang
ada racun dalam kecantikan
itu terang
membuat engkau mabuk cendawan

tapi jika terpaksa milik
kau mesti milik
biar dicerca dihina
dan engkau diherdik

kerana dia engkau menjadi lelaki
diberi pilihan antara hidup dan mati